

# Dr. M tokoh paling layak wakil Parlimen Putrajaya

UM 22 AFAP 2002

KUALA LUMPUR 22 April – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merupakan calon yang paling layak untuk diletakkan bertanding di kawasan Parlimen Putrajaya yang baru diwujudkan.

Pengerusi Biro Teknologi Maklumat (IT) Pergerakan Pemuda UMNO, Mohamad Norza Zakaria berkata, selain sinonim dengan nama Dr. Mahathir, Putrajaya merupakan lambang serta visi Perdana Menteri dalam menyerahkan tamadun kepimpinan orang Melayu.

“Oleh itu, Dr. Mahathir merupakan tokoh yang paling sesuai untuk mewakili kawasan Parlimen itu,” kata Mohamad Norza kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Mohamad Norza yang sebelum ini disebut-sebut sebagai Ketua penaja Pergerakan Pemuda UMNO bahagian Putrajaya meng-

ulas ruangan *Bisik-bisik Awang Sulung* dalam *Mingguan Malaysia*, semalam yang mengesyorkan supaya kawasan itu diwakili oleh Dr. Mahathir.

Awang Sulung berpendapat tidak ada orang lain yang lebih layak daripada Dr. Mahathir untuk mewakili kawasan baru itu kerana Putrajaya lahir daripada impian beliau.

## Penghargaan

Sebagai tanda penghargaan kepada sumbangannya yang tidak ternilai itu, Awang Sulung mencadangkan supaya Dr. Mahathir diberi penghormatan menjadi ahli Parlimen Putrajaya yang pertama.

Menurut Mohamad Norza lagi, kalau pun Perdana Menteri ingin terus mempertahankan kerusi Parlimen Kubang Pasu, hanya beliau yang layak untuk menentu-

kan calon Barisan Nasional di Putrajaya.

“Hanya Dr. Mahathir yang boleh menentukan calon di Putrajaya sekiranya beliau hendak kekal di Kubang Pasu,” katanya yang juga ahli Exco Pemuda UMNO.

Mengenai cadangan Pas untuk meletakkan calon di kawasan Parlimen baru itu, beliau menyifatkan parti itu sebagai ‘hidung tak mancung, pipi tersorong-sorong’ kerana ia pernah merancang melolong Putrajaya jika berkuasa.

“Dulu mereka hendak lelong Putrajaya, lepas tengok kemajuan (Putrajaya) mereka berhajat untuk menjadi ahli Parlimen di situ pula,” katanya yang merujuk laporan akhbar baru-baru ini bahawa Pas dijangka meletakkan calon wanita di kawasan itu.